A

Asni bin Omar lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05–238–08 TAHUN 2014
MOHTARUDIN BAKI, TENGKU MAIMUN DAN ZAKARIA SAM HHMR
16 JUN 2015

C

Keterangan — Anggapan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Bukan saksi penting — Tiada kelompangan pada kes pendakwaan — Tiada 'suppression of evidence' — Sama ada anggapan bertentangan berbangkit — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

D

Keterangan — Maklumat membawa kepada penemuan fakta ditemui — Maklumat membawa kepada penemuan mayat dan barangan si mati — Kebolehterimaan — Sama ada maklumat berpunca daripada tertuduh dan bukan daripada sumber lain — Sama ada maklumat perlu direkodkan secara bertulis — Akta Keterangan 1950 s 27

E

Undang-Undang Jenayah — Bunuh — Kanun Keseksaan — s 302 — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh membunuh perempuan warganegara Perancis — Perayu memberi maklumat yang membawa kepada penemuan mayat si mati, barang-barang kepunyaan si mati dan botol senjata pembunuhan — Kebolehterimaan maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 — Kecederaan si mati berkemungkinan diakibatkan oleh botol — s 300(c) Kanun Keseksaan — Sama ada perayu dengan niat menyebabkan kecederaan kepada si mati yang lazimnya boleh menyebabkan kematian — Sama ada keterangan ikut keadaan hanya menjurus kepada kebersalahan perayu — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada hakim bicara gagal menimbang pembelaan perayu — Sama ada sabitan selamat

F

G

H

Perayu telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dengan kesalahan membunuh seorang perempuan warganegara Perancis, Stephanie Foray antara 10 Mei 2011 dan 12 Mei 2011. Stephanie Foray telah dilaporkan hilang semasa berada di Pulau Tioman. Siasatan ASP Wan Fauzi ('SP20') telah membawa kepada penangkapan perayu. Hasil soal siasat perayu oleh Insp Zairi ('SP15'), perayu telah memberitahu SP15 mengenai si mati yang telah meninggal dunia dan ditanam di sebuah gua di belakang rumah perayu di Pulau Tioman. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh perayu, SP15 dengan dipandu arah oleh perayu telah pergi ke gua di belakang rumah perayu

I

di mana perayu telah menunjukkan ke arah satu lubang di mana mayat si mati ditanam. Perayu juga telah menunjukkan satu lagi lubang berhampiran, di mana terdapatnya beg sandang si mati yang juga mengandungi barang-barang kepunyaan si mati. Seterusnya, perayu membawa SP15 ke rumahnya dan telah menunjukkan barang-barang kepunyaan si mati di rumah perayu. Hasil soal siasat, perayu juga telah memandu arah ASP Raman ('SP37') dan pasukan polis ke satu tempat pelupusan sampah di mana perayu telah menunjukkan sebiji botol minuman keras jenama Malibu yang dipercayai telah digunakan sebagai senjata pembunuhan. Laporan bedah siasat oleh SP11 menunjukkan terdapat empat keretakan pada tengkorak si mati yang mana menurut SP11 adalah cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Mengikut SP11, keretakan-keretakan ini adalah konsisten dengan kecederaan perimortem dan disebabkan oleh 'blunt trauma'. SP11 tidak menolak kemungkinan bahawa botol Malibu boleh mengakibatkan keretakan-keretakan tersebut. Perayu dalam pembelaannya mengatakan bahawa si mati telah berjumpa dengan perayu dan hendak menyewa rumah perayu. Perayu menafikan membunuh si mati dan mengatakan bahawa antara 11 Mei 2011 sehingga 29 Mei 2011 perayu sibuk dengan kegiatannya iaitu berniaga, berburu bersama kawan-kawannya dan berada di Kuala Lumpur yang tidak memungkinkan perayu ada bersama-sama si mati atau terlibat dengan pembunuhan si mati. Perayu mengatakan bahawa ketika mengemas rumah, perayu telah menjumpai beg si mati lalu menyimpan beg tersebut di dalam almari. Perayu mengakui telah mengambil telefon bimbit si mati dan menggunakannya. Perayu juga mengakui bahawa dia telah memberi maklumat kepada SP15 berkaitan penemuan mayat si mati dan bersetuju bahawa pemergian SP15 dan pasukan polis ke tempat mayat ditanam dan ke tempat penemuan beg milik si mati adalah atas pandu arah oleh perayu. Perayu juga mengaku telah membawa SP15 ke rumah perayu untuk menunjukkan barang-barang milik si mati yang disimpan di dalam almari. Hakim bicara mendapati bahawa pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah apabila pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Perayu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati. Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman atas alasan: (a) ketiadaan kes prima facie; dan (b) kegagalan hakim bicara menimbang pembelaan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengesahkan sabitan dan hukuman:

(1) Sesuatu maklumat yang diberikan oleh tertuduh boleh diterima masuk di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta') jika maklumat itu yang membawa kepada penemuan suatu fakta, berpunca daripada tertuduh dan bukan daripada sumber yang lain. Adalah juga prinsip yang mantap bahawa maklumat yang diberikan oleh tertuduh di bawah s 27 tidak perlu direkodkan secara bertulis (lihat perenggan 36).

(2) Keterangan ikut keadaan hendaklah dilihat kesannya secara kumulatif dan keterangan ikut keadaan itu dengan khususnya hanya mengarah atau

menjurus kepada (*irresistibly points to*) kebersalahan perayu (lihat perenggan 37).

(3) Hakim bicara tidak khilaf dari segi pemakaian prinsip undang-undang berhubung s 27 dan adalah tepat dalam menerima masuk maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP15 yang membawa kepada penemuan mayat si mati dan juga penemuan barang-barang peribadi milik si mati di rumah perayu (lihat perengggan 38).

(4) Keterangan ikut keadaan yang ada di hadapan mahkamah mengarah atau menjurus kepada hanya kebersalahan perayu. Kesan darah pada dinding rumah perayu berpadanan dengan profil DNA yang didapati daripada tulang si mati. Ditambah dengan fakta penemuan barang-barang kepunyaan si mati di rumah perayu, wujud keterangan prima facie yang boleh mengaitkan perayu dengan pertuduhan. Maklumat yang diberikan oleh perayu yang membawa kepada penemuan botol jenama Malibu adalah mencukupi untuk membuktikan kes prima facie terhadap perayu (lihat perengggan 41).

(5) Ketiadaan pengecaman tilam serta ekshibit-ekshibit lain yang ditemui bersama mayat si mati, tidak mencacatkan kes pendakwaan. Ketiadaan pegecaman tersebut tidak menjejaskan keterangan berkaitan maklumat yang diberikan oleh perayu yang membawa kepada penemuan mayat si mati. Penemuan mayat si mati hasil maklumat perayu ini secara langsung telah mengaitkan perayu dengan pembunuhan si mati (lihat perengggan 43).

(6) Berkenaan saksi-saksi yang tidak dipanggil oleh pendakwaan, walaupun tanpa saksi-saksi tersebut, tiada kelompangan pada kes pendakwaan dan tidak wujud unsur 'suppression of evidence'. Saksi-saksi tersebut bukanlah saksi yang material dan andaian bertentangan di bawah s 114(g) Akta adalah tidak terpakai (lihat perengggan 44).

(7) Kes pendakwaan terhadap perayu adalah di bawah s 300(c) Kanun. Di bawah peruntukan ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa perayu telah dengan niat menyebabkan kecederaan kepada si mati yang mana kecederaan itu pada lazimnya boleh menyebabkan kematian. Hakim bicara tidak khilaf dalam menilai dan menerima keterangan SP11 berhubung sebab-sebab kematian si mati (lihat perengggan 45).

(8) Penjelasan perayu bahawa beliau sibuk dengan kegiatan perniagaan dan berburu telah diberi penilaian dan pertimbangan oleh hakim bicara. Hakim bicara telah mengarahkan mindanya kepada setiap aspek penjelasan dan keterangan perayu sebelum mencapai keputusan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat perengggan 52).

[English summary

The appellant was charged under s 302 of the Penal Code ('the Code') for the offence of murdering a French woman, Stephanie Foray, between 10 May 2011 and 12 May 2011. Stephanie Foray was reportedly missing while in Tioman Island. Investigation by ASP Wan Fauzi ('SP20') led to the arrest of the appellant. During interrogation by Insp Zairi ('SP15'), the appellant informed SP15 that the deceased had died and was buried behind the appellant's house in Tioman. Based on information given by the appellant, SP15, guided by the appellant, proceeded to the cave behind the appellant's house where the appellant showed SP15 a hole in which the deceased was buried. The appellant also showed another hole which was nearby, where there was a sling bag belonging to the deceased, which contained her personal items. Subsequently, the appellant took SP15 to his house and showed the deceased's personal belongings in his house. Interrogation and investigation also led ASP Raman ('SP37') and a team of police to a landfill where the appellant showed a bottle of alcoholic beverage bearing the brand Malibu which was said to have been used as a murder weapon. Post-mortem by SP11 showed that there were four cracks on the deceased's skull which, according to SP11 was commonly sufficient to cause death. According to SP11, these cracks were consistent with the perimortem injuries and were caused by a 'blunt trauma'. SP11 did not dismiss the possibility that the Malibu bottle could cause these cracks. The appellant, in his appeal, alleged that the deceased had met him and expressed her wish to rent the appellant's house. The appellant denied murdering the deceased and contended that between 11 May 2011 and 29 May 2011, the appellant was busy with his activities, namely, trading and hunting with his friend and was in Kuala Lumpur, which did not make it possible for the appellant to be present with the deceased or was involved with her death. The appellant contended that while cleaning the house, he had discovered the deceased's bag and kept the said bag in the cupboard. The appellant admitted to taking the appellant's handphone and using it. The appellant also admitted to giving information to SP15 on the discovery of the deceased's body and agreed that SP15 and the police team's departure to where the body was buried and to the place where the deceased's bag was discovered was guided by the appellant. The appellant also admitted to taking SP15 to his house to show the personal belongings kept in the cupboard. The trial judge held that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt when the defence failed to raise any reasonable doubt against the prosecution's case. The appellant was convicted for the offence and sentenced to death. The appellant appealed against the conviction and sentence on the grounds that there was no prima facie case; and the trial judge failed to appreciate the appellant's defence.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) Any information given by the accused may be admitted under s 27 of the Evidence Act 1950 ('the Act') where the information which led to the

discovery of a fact, stems from the accused and not from another source. It is also well-established principle that the information given by the accused under s 27 does not need to be recorded in writing (see para 36).

(2) The circumstantial evidence should be viewed as a cumulative effect and that circumstantial evidence must, particularly direct or lead to (irresistibly points to) the guilt of the appellant (see para 37).

(3) The trial judge did not err in the application of legal principles relating to s 27 and was right in admitting the information given by the appellant to P15 which led to the discovery of the body of the deceased as well as the discovery of personal items belonging to the deceased at home the appellants (see para 38).

(4) The circumstantial evidence before the court only directed or led to the culpability of the appellant. Blood stains on the wall of the appellant's house matched the DNA profile obtained from the bones of the deceased. Coupled with fact that the deceased's belongings were found at the appellant's house, there was prima facie evidence that could link the appellant to the charge. The information provided by the appellant led to the discovery of the Malibu bottle was sufficient to prove a prima facie case against the appellant (see para 41).

(5) The absence of identification of mattresses and other exhibits found together with the deceased did not impair the prosecution's case. The absence of identification did not affect the evidence relating information provided by the appellant which led to the discovery of the body of the deceased. The discovery of the remains of the deceased obtained from direct information linked the appellant with the murder of the deceased (see para 43).

(6) As regards the witnesses who were not called by the prosecution; even without the witnesses, there was no gap in the prosecution's case and there was no element of 'suppression of evidence'. The witnesses were not material witness and assumptions to the contrary under s 114 (g) of the Act shall not apply (see para 44).

(7) The prosecution's case against the appellant was under s 300 (c) of the Code. Under this provision, the prosecution must prove that the appellant had the intention of causing injury to the deceased whose injury was commonly fatal. The trial judge did not err in assessing and admitting the evidence of SP11 regarding the cause of death of the deceased (see para 45).

(8) The appellant's clarification that he was preoccupied with business and hunting activities were evaluated and given consideration by the trial judge. The trial judge had directed his mind to every aspect of the appellant's explanation and evidence before arriving at a decision that the

appellant failed to raise a reasonable doubt on the prosecution's case (see para 52).]]

Nota-nota

Untuk kes mengenai inferens berentangan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2331.
Untuk kes-kes mengenai Kanun Keseksaan, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1830–1837.
Untuk kes-kes mengenai maklumat membawa kepada penemuan fakta ditemui secara am, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2332–2397.

Kes-kes yang dirujuk

Amathevelli a/p P Ramasamy v PP [2009] 2 MLJ 367, MP (dirujuk)
Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307, MR (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Another v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389, MP (dirujuk)
Kamis v PP [1975] 1 MLJ 46, MP (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
PP v Hashim bin Hanafi [2002] 4 MLJ 176, MT (dirujuk)
Sunny Ang v PP [1966] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 27, 114(g)
Kanun Acara Jenayah s 425
Kanun Keseksaan ss 300(c), 302, 363

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-50–9 Tahun 2011 (Mahkamah Tinggi, Kuantan).

Ng See Teong (Ibrahim bin Kamaruddin dan Muhd Hisham bin Abdul Rahim bersamanya) (AR Hisham & Co) bagi pihak perayu.
Masri bin Mohd Daud (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan oleh tertuduh ('perayu') terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan yang mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati bagi pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu di antara tarikh 10 Mei 2011 jam 8.00 malam tarikh 12 Mei 2011 jam lebih kurang 12.00 tengahari di rumah tidak bernombor Kampung Tekek,

Pulau Tioman di dalam Daerah Rompin, di dalam Negeri Pahang telah membunuh Stephanie Foray (No Pasport 05AX207350) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan .

Kami sebulat suara telah menolak rayuan perayu. Berikut adalah alasan kami bagi keputusan tersebut.

KES PENDAKWAAN

[2] Melalui Melaka Tengah Report No 6220/11 bertarikh 14 Julai 2011, Stephanie Foray, seorang warganegara Perancis ('si mati') telah dilaporkan hilang. Laporan itu membawa kepada satu kertas siasatan dibuka oleh ASP Wan Fauzi Wan Ishak ('SP20') di bawah s 363 Kanun Keseksaan. Berdasarkan maklumat bahawa si mati ada menginap di Sayang-Sayang Guest House, No 16, Jalan Kg Hulu, Melaka Tengah, SP20 telah pergi ke alamat tersebut dan bertemu dengan Tan Ann Nie ('SP21'). Semakan SP20 ke atas buku daftar keluar masuk tetamu ('eksh P99') menunjukkan si mati telah mendaftar masuk pada 7 Mei 2011 dan keluar pada 9 Mei 2011. Melalui gambar eksh P168(D), SP21 mengecam si mati dan mengesahkan si mati hadir seorang dan mengisi sendiri borang daftar masuk P99.

[3] Maklumat seterusnya yang diperolehi oleh SP20 telah membawa kepada penangkapan perayu pada 21 Julai 2011. Hasil soal siasat perayu oleh Insp Zairi bin Badderul @ Badrul ('SP15') pada 8 Ogos 2011 jam lebih kurang 8.20 pagi, perayu telah memberitahu SP15 mengenai si mati yang telah meninggal dunia dan ditanam di sebuah gua di belakang rumah perayu di Kampung Tekek, Pulau Tioman. Maklumat tersebut telah dicatat oleh SP15 sebagai keterangan di atas sehelai kertas A4 ('eksh P174') yang ditandatangani oleh SP15, perayu dan Detektif Lans/Kop Raymond Nor Irwan Ibo bin Abdullah dan kemudiannya dijadikan laporan polis Mersing Report No 2438/11 ('eksh P175') oleh SP15.

[4] Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh perayu di atas, pada jam lebih kurang 1.45 petang, SP15 dengan dipandu arah oleh perayu telah pergi ke gua di belakang rumah perayu. Apabila sampai di dalam gua tersebut, perayu telah menunjukkan ke arah satu lubang di mana mayat si mati ditanam. Perayu juga telah menunjukkan satu lagi lubang berhampiran, di mana terdapatnya beg sandang si mati yang juga mengandungi barang-barang kepunyaan si mati. Seterusnya, perayu membawa SP15 ke rumahnya setelah memberitahu SP15 bahawa masih terdapat barang-barang kepunyaan si mati di rumah perayu.

[5] Di rumahnya, perayu telah menunjukkan kepada SP15:

(a) almari perayu di mana di dalamnya terdapat beg-beg si mati yang mengandungi barang-barang peribadi milik si mati di antaranya berus gigi, kad visa atas nama si mati dan beberapa utas rantai, gelang dan sebentuk cincin;

(b) dinding di ruang tamu di mana terdapat kesan darah yang telah dibersihkan;

(c) satu sim kad milik si mati yang diselitkan pada dinding bahagian dapur yang kemudiannya disahkan oleh ASP Muhammad Zulkifli bin Mohd Isa ('SP33') mempunyai data di dalam bahasa Perancis.

[6] Hasil soal siasat, perayu juga telah memandu arah ASP Raman a/l Visualingam ('SP37') dan pasukan polis ke tempat pelupusan sampah di No 56, Jeti Kargo, Kampung Sarang Tiung, Tanjung Gemok, Endau, Rompin, Pahang di mana perayu telah menunjukkan sebiji botol minuman keras jenama Malibu ('eksh P81') kepada SP37. Eksibit P81 dipercayai telah digunakan sebagai senjata pembunuhan.

[7] Ketua Pejabat Laut Mersing, Jeffrey Shah ZZ bin Ibrahim ('SP26') mengesahkan bahawa Borang Pelepasan Belayar ke Pulau Tioman pada 10 Mei 2011 oleh Bluwater Express untuk Feri Gemilang menunjukkan si mati disenaraikan sebagai penumpang Feri Gemilang. SP26 juga mengesahkan tiada nama si mati di dalam borang keluar daripada Tioman.

[8] Melalui gambar-gambar eksh P168 (A-D), Norfadiana bt Kasim ('SP14') mengecam si mati. Mengikut SP14, perayu bersama si mati telah datang ke rumah SP14 pada 10 Mei 2011 jam lebih kurang 7.30 malam.

[9] Pada 12 Mei 2011 jam lebih kurang 11 pagi, abang perayu iaitu Radzi bin Omar ('SP25') telah pergi ke gua untuk menghisap dadah dan telah terpandang satu mayat perempuan berkulit putih tidak berpakaian dalam keadaan terbaring terlentang. SP25 juga melihat satu tilam ('eksh P39') dalam keadaan berlipat pada hujung kaki mayat.

[10] Laporan bedah siasat ('eksh P118') oleh Doktor Sri Marni bt Zainal Abidin ('SP11') menunjukkan terdapat empat keretakan pada tengkorak si mati yang mana menurut SP11 adalah cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Mengikut SP11, keretakan-keretakan ini adalah konsisten dengan kecederaan *perimortem* dan disebabkan oleh 'blunt trauma'. SP11 tidak menolak kemungkinan bahawa botol Malibu ('eksh P81') boleh mengakibatkan keretakan-keretakan tersebut. Sebab-sebab kematian disimpulkan oleh SP11 sebagai 'probable blunt force trauma to the head'. Berdasarkan kepada pereputan yang berlaku selepas kematian, SP11

menganggarkan masa kematian di antara empat minggu hingga tiga bulan daripada tarikh 8 Ogos 2011.

[11] Daripada sampel tulang femur si mati yang diambil oleh SP11 ('eksh P84'), sampel darah ibu si mati, Irena Mortel ('SP4') ('eksh P77') dan kakak si mati Vanessa Foray ('eksh P74'), ahli kimia Nor Aidora bt Saidon ('SP3') telah melakukan ujian DNA profil ke atas tulang femur. Hasil ujian DNA oleh SP3 membuktikan bahawa si mati adalah Stephanie Foray. SP3 juga mengesahkan sampel darah yang diambil oleh Inspektor Shuhada bin Salim ('SP13') di dinding rumah perayu adalah berpadanan dengan profil DNA si mati.

[12] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara setelah menimbang keterangan saksi-saksi pendakwaan dan mengambilkira keterangan mengenai:

(a) identiti si mati dan profil DNA;

(b) sebab-sebab kematian;

(c) maklumat-maklumat yang diberikan oleh perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950; dan

(d) pengecaman barang-barang milik si mati oleh SP4,

memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu. Perayu lantas dipanggil membela diri.

KES PEMBELAAN

[13] Di dalam keterangannya yang diberi secara bersumpah, perayu tidak menafikan telah berjumpa dengan si mati pada 10 Mei 2011. Menurut perayu, si mati telah datang ke tempat perayu berniaga dan bertanyakan sama ada perayu mempunyai rumah untuk disewa. Walaupun perayu memberitahu si mati bahawa rumah beliau tidak sesuai untuk disewa, si mati tetap ingin menyewa rumah perayu. Setelah diminta oleh si mati, perayu telah membawa si mati makan malam pada hari tersebut. Ketika berada di kedai makan, perayu menerima panggilan telefon daripada teman wanitanya, Monaliza bt Yaakob ('SD3'). Walaupun menggunakan telefon bimbit, perayu mengatakan beliau perlu pulang ke rumah kerana perbualan dengan SD3 tidak sedap didengar oleh orang lain.

[14] Perayu mengajak si mati balik, tetapi si mati enggan kerana mahu pergi ke Taman Laut. Perayu telah menghantar si mati ke Taman Laut dan meninggalkan si mati di situ sementara perayu pulang ke rumah dan berada di talian telefon dengan SD3 sehingga perayu tertidur. Apabila terjaga keesokan pagi, perayu tidak tahu sama ada si mati balik ke rumah atau tidak pada malam tersebut. Bagaimanapun, apabila ditanya oleh ibunya, perayu menyatakan

bahawa si mati telah keluar rumah. Perayu memberikan alasan sedemikian kepada ibunya kerana beliau mempercayai si mati telah pulang ke rumah untuk mengambil barang-barang dan kemudian keluar semula untuk pergi ke Kampung Juara seperti diberitahu oleh si mati ketika makan malam.

[15] Perayu seterusnya memberi keterangan bahawa pada 11 Mei 2011, beliau terdengar suara abangnya, SP25 menjerit dan melihat SP25 tergopoh gapah melarikan diri bersama Zulhaidli bin Akasah ('SP30'). Perayu mengakui melihat seorang terbaring di pintu gua dan mengecamnya sebagai si mati tetapi perayu berasa takut.

[16] Adalah juga keterangan perayu bahawa antara 11 Mei 2011 sehingga 29 Mei 2011 perayu sibuk dengan kegiatannya iaitu berniaga, berburu bersama kawan-kawannya dan berada di Kuala Lumpur di rumah SD3 yang tidak memungkinkan perayu ada bersama-sama si mati atau terlibat dengan pembunuhan si mati.

[17] Hanya pada bulan Jun 2011, perayu mengatakan bahawa ketika mengemas rumah, perayu telah menjumpai beg si mati lalu menyimpan beg tersebut di dalam almari. Perayu mengakui telah mengambil telefon bimbit si mati dan menggunakannya. Perayu juga mengakui bahawa dia telah memberi maklumat kepada SP15 berkaitan penemuan mayat si mati dan bersetuju bahawa pemergian SP15 dan pasukan polis ke tempat mayat ditanam dan ke tempat penemuan beg milik si mati adalah atas pandu arah oleh perayu. Perayu juga mengaku telah membawa SP15 ke rumah perayu untuk menunjukkan barang-barang milik si mati yang disimpan di dalam almari.

[18] Selain SD3, pembelaan mengemukakan kakak perayu, Rahah bt Omar ('SD2') untuk menunjukkan tiada kesan darah di dinding rumah perayu. Melalui SD2 juga, pembelaan menunjukkan bahawa rumah perayu boleh diakses oleh ahli keluarga dan kawan-kawan. Mengikut SD2, beliau sendiri boleh memasuki rumah perayu dengan mengambil kunci di bahagian atas pintu. SD3 pula menyatakan bahawa perayu berada bersama-sama SD3 bermula pada 13 Mei 2011. SD3 mengesahkan perayu ada mengambil minuman keras. SD5, anak saudara perayu (yang sebelum ini telah memberi keterangan sebagai SP14), dipanggil semula oleh pembelaan di bawah s 425 Kanun Acara Jenayah. SD5 memberi keterangan bahawa dia mendengar perbualan di antara ibu perayu dengan Ashaari di mana Ashaari dikatakan memberitahu ibu perayu 'mak ngah jangan takut orang putih itu sudah mati.'

[19] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah apabila pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes

pendakwaan. Perayu disabitkan dan dijatuhi hukuman mati, justeru rayuan ini.

RAYUAN

[20] Di hadapan kami, peguambela mengemukakan dua isu utama iaitu:

(a) ketiadaan kes prima facie; dan

(b) kegagalan hakim bicara menimbang pembelaan perayu.

[21] Berkaitan isu pertama, hujah peguambela tertumpu kepada:

(i) kesan darah di dinding rumah perayu;

(ii) penerimaan maklumat yang diberikan oleh perayu sebagai keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan;

(iii) penemuan botol Malibu eksh P81 yang dikatakan sebagai senjata pembunuhan;

(iv) pengecaman tilam dan eksh lain yang dijumpai bersama mayat si mati;

(v) pemakaian s 114(g) Akta Keterangan;

(vi) sebab kematian; dan

(vii) kemungkinan individu-individu lain melakukan pembunuhan.

(a) Ketiadaan kes prima facie

(i) Kewujudan kesan darah di dinding rumah perayu

[22] Pada asasnya, hujahan peguambela bijaksana adalah bahawa hakim bicara khilaf dalam membuat dapatan berikut:

> [24] OKT juga telah menunjukkan ruang tamu rumah tersebut kepada SP15 di mana sebahagian dinding plywood kesan telah dibersihkan atau dilap (gambar P4(17) dan (18). Perbuatan OKT menunjukkan kesan dilap di dinding kepada SP15 disaksikan oleh SP13. OKT telah memberitahu SP15 bahawa ada kesan darah si mati tetapi telah dilap. SP15 telah meminta SP13 (yang bertugas di cawangan forensik IPK Pahang D10) yang ada bersama-sama SP15 untuk membuat pemeriksaan ke atas dinding tersebut dan telah menemukan 3 kesan yang SP13 syaki sebagai kesan darah pada dinding.

[23] Asas hujahan peguambela bijaksana adalah kerana saksi rebuttal, ASP Jay January Siowou ('SP45') memberi keterangan bahawa ketika beliau ke rumah perayu pada 31 Julai 2011 untuk menjalankan siasatan, SP45 tidak melihat kesan darah di dinding ruang tamu rumah perayu. Keterangan SP45

ini, hujah peguambela bijaksana, disokong oleh SD2 yang tidak nampak apa-apa darah dan keterangan SD3 yang mengesahkan tidak melihat kesan lap pada dinding tersebut. Peguambela juga merujuk kepada keterangan abang perayu, Rain bin Omar ('SP19') bahawa dinding rumah perayu nampak berbalam-balam atau tonasi catnya berbeza kerana rumah perayu diperbuat daripada kepingan atau cebisan kayu yang diperolehi dari rumah lain. Dihujahkan seterusnya bahawa pihak pendakwaan sewajarnya memanggil saksi pakar bagi menentukan kebenaran sama ada keadaan dinding rumah perayu adalah disebabkan telah dilap atau disebabkan kegunaan kepingan kayu daripada rumah yang lain.

(ii) Penerimaan keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950

[24] Isu ini berkaitan dengan eksh P174, iaitu maklumat yang dicatat oleh SP15 di atas kertas dan eksh P175 iaitu laporan polis oleh SP15 sebagai 'information leading to discovery' di bawah s 27 Akta Keterangan 1950. Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa hakim bicara khilaf dalam menerima masuk maklumat-maklumat yang diberikan oleh perayu (yang dibawa masuk sebagai P174 dan P175) yang membawa kepada penemuan mayat si mati kerana P174 dan P175 hanya dibuat pada 8 Ogos 2011 sedangkan mayat mangsa telah ditemui seawal 12 Mei 2011 oleh SP25. Dihujahkan selanjutnya bahawa oleh kerana SP25 ada memberitahu mengenai penemuan mayat itu kepada kawannya SP30 yang bersama-sama menghisap dadah di gua tersebut, terdapat kemungkinan SP30 memberitahu perkara itu kepada isterinya dan isteri SP30 pula mungkin telah memberitahu hal penemuan mayat kepada adik iparnya, Farid, yang bertugas sebagai seorang anggota polis di Kuantan. Berikutan kemungkinan itu, peguambela menghujahkan bahawa pihak polis telah mempunyai pengetahuan terdahulu tentang penemuan mayat tersebut sebelum mendapat maklumat daripada perayu.

[25] Alasan kedua kenapa peguambela berhujah bahawa maklumat yang diberi perayu tidak boleh diterima masuk di bawah s 27 adalah kerana terdapat perbezaan di antara eksh P174 dan P175. Di dalam P175 terdapat perkataan-perkataan 'saya boleh membawa tuan ke tempat tersebut' manakala perkataan-perkataan itu tidak terdapat di dalam eksh P174.

(iii) Penemuan botol minuman keras jenama malibu

[26] Yang menjadi isu adalah dapatan hakim bicara bahawa:

> [28] ... Selepas meleraikan sampah itu, SP37 telah membawa OKT dan OKT sendiri yang menjumpai botol Malibu dan pada ketika itu SP37 berada di sisi OKT. Tempoh pencarian adalah 20 minit dan OKT telah mengecam dan menunjukkan kepada SP37 sebiji botol minuman keras jenama Malibu (P81) dan terus berkata

'itulah botol Malibu saya gunakan pukul Stephanie'.

[27] Peguambela bijaksana berhujah bahawa kata-kata 'itulah botol Malibu yang saya gunakan pukul Stephanie' tidak boleh diterima masuk memandangkan keterangan SP37 yang antara lain menyatakan bahawa 'kami telah menjumpai sebiji botol minuman keras jenama Malibu' yang jelas menunjukkan bahawa botol Malibu dijumpai oleh pihak polis sendiri dan bukannya melalui maklumat daripada perayu. Seterusnya, dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa longgokan sampah itu bukannya khusus dari Kampung Tekek dan tidak ada keterangan bahawa botol itu yang dikatakan digunakan untuk membunuh si mati dibuang ke dalam tong sampah perayu. Malahan tidak terdapat keterangan bahawa terdapat tong sampah di hadapan rumah perayu.

(iv) Pengecaman tilam dan eksibit lain

[28] Terdapat dua tilam yang ditemui bersama mayat si mati, iaitu eksh P32 dan P39. Hakim bicara telah membuat dapatan bahawa abang perayu, SP19 telah mengesahkan bahawa tilam P39 yang tertimbus bersama-sama mayat si mati adalah milik perayu di mana SP19 juga menyatakan bahawa beliau mengecam tilam tersebut kerana selalu menggunakan tilam itu semasa berada di rumah ibunya. Dapatan ini, hujah peguambela bijaksana adalah khilaf kerana SP19 di dalam keterangannya juga menyatakan bahawa beliau tidak meneliti tilam itu dari dekat tetapi melihat dari jauh sekali imbas sahaja dan mungkin beliau tersilap apabila menyatakan tilam itu tilam perayu atau tilam dari rumah perayu. SP25 pula tidak pasti sama ada tilam P39 adalah tilam yang beliau nampak berdekatan mayat si mati.

[29] Seterusnya, terdapat barang-barang lain yang ditemui bersama mayat si mati iaitu dua bantal peluk ('eksh P26 dan P28'), satu bantal ('eksh P30') dan satu lagi tilam ('eksh P32') yang tidak dicamkan oleh mana-mana saksi pendakwaan. Dalam keadaan itu dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa terdapat kemungkinan barang-barang tersebut adalah kepunyaan orang lain dan bukannya kepunyaan perayu.

(v) Pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950

[30] Dihujahkan bagi pihak perayu bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi berikut membangkitkan andaian bertentangan terhadap pihak pendakwaan:

(1) anggota polis yang bernama Farid untuk mengesahkan atau menafikan bahawa beliau ada berkata kepada SP25 'kamu bercerita benar seperti keluarga aku bercerita kepada aku';

(2) tuan punya tempat pelupusan sampah bernama Tarmizi untuk mengesahkan sama ada botol Malibu ('P81') adalah dikutip daripada tong sampah di rumah perayu;

(3) Ashaari bin Ariffin untuk mengesahkan bahawa (1) beliau bersama seorang India ada bertemu si mati sebanyak dua kali sebelum kematiannya (2) untuk menjawab bagaimana beliau mengenali si mati dan apa kaitan beliau dengan lelaki India tersebut dan (3) untuk mengesahkan atau menafikan bahawa beliau ada memberitahu ibu perayu bahawa 'mak ngah jangan takut orang putih itu sudah mati'; dan

(4) ibu perayu untuk mengesahkan bahawa Ashaari ada mengatakan 'mak ngah jangan takut orang putih itu sudah mati.

(vi) Sebab-sebab kematian

[31] Hakim bicara menyatakan 'SP11 juga tidak menolak kemungkinan bahawa botol kaca seperti P81 yang mempunyai permukaan yang tumpul dan keras boleh menyebabkan kecederaan sepertimana keretakan-keretakan yang dialami si mati cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian si mati di dalam kes ini'. Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa walaupun SP11 tidak menolak kemungkinan eksh P81 yang mempunyai permukaan yang tumpul dan keras boleh menyebabkan kecederaan seperti keretakan-keretakan yang dialami si mati, keterangan SP11 juga memperlihatkan beberapa kemungkinan yang lain seperti kemungkinan mangsa jatuh dan terkena objek-objek yang tumpul dan keras, kemungkinan mangsa dijerut dengan tuala serta kemungkinan mangsa dirogol dan terdapatnya keganasan seksual memandangkan penemuan air mani pada jasad si mati. Oleh itu dihujahkan bahawa dapatan hakim bicara adalah khilaf dari segi undang-undang dan fakta.

(vii) Kemungkinan individu-individu lain terlibat dalam pembunuhan si mati

[32] Dihujahkan bagi pihak perayu bahawa keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak membuktikan kes prima facie kerana ia bukan sahaja tidak dapat mengaitkan perayu dengan pertuduhan malahan keterangan yang dikemukakan menunjukkan kemungkinan penglibatan pihak ketiga. Pihak ketiga yang dimaksudkan adalah Ashaari, SP25 atau SP30 lebih-lebih lagi apabila wujudnya air mani pada jasad si mati yang tidak dapat ditentukan milik siapa.

(b) Kegagalan menimbang pembelaan perayu

[33] Mengenai isu kedua, peguambela bijaksana berhujah bahawa hakim bicara khilaf apabila menyatakan 'Mahkamah mendapati pembelaan OKT adalah lebih kepada satu cerita kosong yang disusun dengan begitu baik untuk menunjukkan OKT tidak bersalah'. Ini kerana perayu telah memberi

penjelasan yang munasabah tentang isu-isu yang dibangkitkan semasa perbicaraan khususnya bahawa isu si mati ditinggalkan di Taman Laut atas permintaan si mati dan bahawa kemungkinan beg silang si mati ditinggalkan di rumah perayu kerana si mati pulang semula ke rumah perayu. Keraguan munasabah juga telah ditimbulkan melalui keterangan SD2 dan SD3 tentang kewujudan kesan darah di dinding rumah perayu. Keseluruhan keterangan pembelaan dan penjelasan-penjelasan di atas, hujah peguambela bijaksana, telah gagal dipertimbangkan oleh hakim bicara.

DAPATAN KAMI

[34] Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan untuk membuktikan kesnya terhadap perayu di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan. Walaupun peguambela bijaksana telah menimbulkan beberapa isu kecil berhubung kes prima facie seperti dinyatakan di atas, kami mendapati persoalan sebenar ialah sama ada keterangan ikut keadaan yang ada di hadapan mahkamah adalah mencukupi untuk mewujudkan kes prima facie terhadap perayu dan sama ada maklumat-maklumat yang diberikan oleh perayu berhubung penemuan mayat dan barang-barang peribadi milik si mati telah diterima masuk secara betul oleh hakim bicara.

SAMA ADA TERDAPAT KES PRIMA FACIE TERHADAP PERAYU

[35] Kes prima facie berkait rapat dengan isu penerimaan masuk maklumat yang diberikan oleh perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 dan juga keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[36] Adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa sesuatu maklumat yang diberikan oleh tertuduh boleh diterima masuk di bawah s 27 jika maklumat itu yang membawa kepada penemuan suatu fakta, berpunca daripada tertuduh dan bukan daripada sumber yang lain lihat (*Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389). Adalah juga prinsip yang mantap bahawa maklumat yang diberikan oleh tertuduh di bawah s 27 tidak perlu direkodkan secara bertulis lihat (*Public Prosecutor v Hashim bin Hanafi* [2002] 4 MLJ 176).

[37] Prinsip undang-undang adalah juga mantap bahawa keterangan ikut keadaan hendaklah dilihat kesannya secara kumulatif dan keterangan ikut keadaan itu dengan khususnya hanya mengarah atau menjurus kepada (*irresistibly points to*) kebersalahan perayu lihat (*Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; *Dato Mokhtar bin Hashim & Another v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; *Amathevelli a/p P Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367; *Kamis v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46).

[38] Di dalam rayuan ini, kami mendapati bahawa hakim bicara tidak khilaf dari segi pemakaian prinsip undang-undang berhubung s 27 dan adalah tepat dalam menerima masuk maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP15 yang membawa kepada penemuan mayat si mati dan juga penemuan barang-barang peribadi milik si mati di rumah perayu.

[39] Mengikut keterangan SP15, maklumat mengenai tempat mayat disimpan di sebuah gua di Kampung Tekek dan tempat barang-barang milik si mati disimpan, diterima daripada perayu pada 8 Ogos 2011 jam lebih kurang 8.20 pagi. Berikutan maklumat itu, pada hari yang sama jam 10.30 pagi, SP15 bersama perayu telah bertolak dari jeti Mersing dan dengan dipandu arah oleh perayu telah pergi ke sebuah gua di Kampung Tekek. Di gua tersebut, perayu menunjukkan satu lubang dan berkata 'ini tempat mayat perempuan Perancis saya simpan'. Pada jam lebih kurang 1.45 tengahari hari yang sama, SP11, SP37, SP13 dan pasukan forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan telah membuat korekan dan penggalian pada tempat yang ditunjukkan oleh perayu. Hasil penggalian tersebut, mayat si mati telah ditemui bersama-sama beberapa bantal dan tilam.

[40] Daripada urutan peristiwa di atas, kami mendapati hujahan peguambela bijaksana bahawa hakim bicara khilaf dalam menerima masuk maklumat yang diberikan oleh perayu kerana pihak polis telah sedia mengetahui tempat mayat si mati ditanam, adalah tidak bermerit. Kami mendapati tiada keterangan menunjukkan maklumat tentang tempat mayat si mati ditanam telah diperolehi daripada sumber yang lain selain daripada perayu. Hujahan peguambela bijaksana bahawa pihak polis telah terlebih dahulu mengetahui tentang tempat mayat ditanam berdasarkan SP25 memberitahu SP30 dan kemungkinan SP30 memberitahu isterinya dan isterinya pula mungkin telah memberitahu adik iparnya, Farid yang merupakan seorang anggota polis, jelas tidak bersandarkan kepada sebarang keterangan di hadapan mahkamah. Sebaliknya, keterangan SP30 menunjukkan bahawa beliau tidak menceritakan kepada sesiapa bahawa SP25 melihat mayat, tidak kepada isterinya mahupun Farid. Mengenai perbezaan perkataan-perkataan di dalam eksh P174 dan P175, ia pada pendapat kami tidak menjejaskan penerimaan masuk maklumat yang diberikan oleh perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950.

[41] Seterusnya, kami mendapati bahawa keterangan ikut keadaan yang ada di hadapan mahkamah mengarah atau menjurus kepada hanya kebersalahan perayu. Identiti si mati bukanlah menjadi pertikaian di dalam rayuan ini. Si mati telah dikenal pasti setelah SP3 mengesahkan sampel tulang ('eksh P84') adalah milik si mati selepas menjalani analisa ke atas sample-sampel darah ibu kandung si mati dan kakak si mati. *Swab stick* yang digunakan oleh SP13 untuk mengambil kesan darah pada dinding rumah perayu telah dianalisa oleh SP3.

SP3 mengesahkan kehadiran darah pada *swab stick* yang berpadanan dengan profil DNA yang didapati daripada tulang si mati. Keterangan saintifik ini mengatasi keterangan saksi-saksi lain yang menyatakan tiada kesan darah pada dinding dengan hanya melihat secara pandangan kasar. Ditambah dengan fakta penemuan barang-barang kepunyaan si mati di rumah perayu, kami berpendapat wujud keterangan prima facie yang boleh mengaitkan perayu dengan pertuduhan.

[42] Mengenai botol minuman keras jenama Malibu, kami berpendapat sama ada ia dibuktikan datang daripada tong sampah di rumah perayu atau sebaliknya tidak menjejaskan kes pendakwaan. Maklumat yang diberikan oleh perayu yang membawa kepada penemuan botol dan keterangan SP11 bahawa permukaan botol jenama Malibu ('eksh P81') yang tumpul dan keras boleh menyebabkan kecederaan seperti yang dialami oleh si mati, pada pandangan kami adalah mencukupi untuk membuktikan kes prima facie terhadap perayu.

[43] Ketiadaan pengecaman positif tilam ('eksh P39') dan ketiadaan pengecaman tilam ('eksh P32') serta ekshibit-ekshibit lain yang ditemui bersama mayat si mati, pada pendapat kami juga tidak mencacatkan kes pendakwaan. Ketiadaan pegecaman tersebut tidak menjejaskan keterangan berkaitan maklumat yang diberikan oleh perayu yang membawa kepada penemuan mayat si mati. Penemuan mayat si mati hasil maklumat perayu ini secara langsung telah mengaitkan perayu dengan pembunuhan si mati.

[44] Mengenai Farid, Tarmizi, Ashaari dan ibu perayu, kami mendapati bahawa walaupun tanpa saksi-saksi tersebut, tiada kelompangan pada kes pendakwaan dan tidak wujud unsur 'suppression of evidence'. Dalam keadaan itu kami mendapati saksi-saksi tersebut bukanlah saksi yang material dan andaian bertentangan di bawah s 114(g) adalah tidak terpakai lihat (*Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492).

[45] Kes pendakwaan terhadap perayu adalah di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan. Di bawah peruntukan ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa perayu telah dengan niat menyebabkan kecederaan kepada si mati yang mana kecederaan itu pada lazimnya boleh menyebabkan kematian.

[46] Sebagaimana keterangan SP11 dan laporan bedah siasat, sebab-sebab kematian si mati disimpulkan sebagai 'probable blunt force trauma to the head'. Hakim bicara telah menerima keterangan SP11 yang tidak menolak kemungkinan bahawa botol eksh P81 yang mempunyai permukaan yang tumpul dan keras boleh menyebabkan kecederaan sepertimana keretakan-keretakan yang dialami si mati dan bahawa empat keretakan yang dialami si mati cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian si mati.

[47] Kami tidak mendapati bahawa hakim bicara khilaf dalam menilai dan menerima keterangan SP11 berhubung sebab-sebab kematian si mati. Dalam menerima keterangan tersebut, hakim bicara telah juga menilai keterangan SP11 berhubung kemungkinan-kemungkinan lain yang boleh menyebabkan kematian si mati apabila hakim bicara menyatakan:

> [9] SP11 menjelaskan terdapat beberapa kemungkinan mengenai impak oleh apa-apa permukaan yang tumpul dan keras iaitu objek yang keras dan tumpul mungkin dihentak ke bahagian yang retak ataupun si mati jatuh dan terkena objek-objek atau permukaan yang tumpul dan keras. Keretakan-keretakan yang berlaku dijumpai di dua belah kepala iaitu satu di bahagian hadapan dan tiga di bahagian kanan tepi dan kedua-dua keretakan tersebut berkemungkinan tidak berlaku dalam satu impak atau satu episod. Sekiranya si mati jatuh, jatuh dengan daya yang kuat kerana jatuh biasa tanpa daya kuat tidak mungkin menyebabkan keretakan tulang khususnya pada tengkorak kepala ...
>
> [10] ... SP11 menyatakan pemeriksaan beliau mendapati jasad si mati tidak menunjukkan apa-apa kesan penyakit yang signifikan yang boleh menyebabkan atau menyumbangkan kepada kematian pada masa kejadian atau masa meninggal dunia. Tulang leher adalah tulang servikal dan tulang-tulang ini tidak menunjukkan sebarang kecederaan. Analisis toxicology yang dijalankan ke atas paru-paru dan hati tidak menunjukkan alkohol, hidrokarbon yang volatile, dadah dan racun ... SP4 (Ibu si mati) juga mengesahkan si mati tidak pernah memberitahu SP4 mengenai sebarang penyakit serius yang dialami. Maka itu hujahan peguambela bahawa si mati mungkin mati disebabkan oleh penyakit adalah sangat tipis atau boleh saya katakan tiada langsung.

[48] Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguambela bijaksana bahawa keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak dapat mengaitkan perayu dengan pertuduhan. Kami berpuashati dan mendapati bahawa keterangan ikut keadaan yang ada di hadapan mahkamah telah mengaitkan perayu dengan pertuduhan dan tidak sesiapa yang lain. Justeru, kami bersetuju dengan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu dan hakim bicara adalah tepat dalam memanggil perayu membela diri di atas pertuduhan tersebut.

SAMA ADA HAKIM BICARA TELAH MEMBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA KEPADA PEMBELAAN PERAYU

[49] Teras pembelaan perayu ialah perayu tidak membunuh si mati. Hakim bicara membuat kesimpulan berikut berkenaan pembelaan perayu:

> [70] Kes pembelaan OKT hanya bergantung kepada 9 keadaan iaitu:
>
> (a) OKT bersama-sama kawan-kawannya pergi berburu semasa kehilangan Stephanie Foray. OKT dikatakan tidak terlibat.
>
> (b) OKT tidak membunuh Stephanie Foray tetapi cuma secara kebetulan sahaja terjumpa mayat Stephanie Foray di gua tersebut.

(c) OKT telah meninggalkan Stephanie Foray di Taman Laut atas permintaan Stephanie Foray. Stephanie Foray dikatakan telah meninggalkan rumah OKT.

(d) OKT tidak perasan dan tidak tahu Stephanie Foray ada meninggalkan barang-barang di rumah OKT sehinggalah OKT menjumpainya semasa mengemas rumah.

(e) SP25 dan SP30 telah menjumpai mayat Stephanie Foray lebih awal daripada OKT dan mereka mengetahui akan mayat Stephanie Foray.

(f) Kesan lap di dinding adalah kesan lukisan oleh anak saudara OKT dan bukan mengelap kesan darah.

(g) Tidak melihat SP13 mengambil swab kesan percikan darah di dinding.

(h) Menunjukkan botol Malibu kerana sebaik sahaja tiba di timbunan sampah terus melihat kehadiran botol tersebut di situ. Oleh kerana tiada pilihan, OKT terus menunjukkan botol Malibu yang ada di hadapannya.

(i) Andaian bahawa kehilangan Ashaari pada 11 Mei 2011 menimbulkan syak penglibatan Ashaari dengan kejadian pembunuhan Stephanie Foray.

Kesemua alasan dan penjelasan yang diberikan oleh OKT adalah berupa penafian semata-mata. Pengakuan-pengakuan keterangan OKT sendiri di peringkat kes pembelaan menunjukkan OKT lah orang terakhir bersama-sama Stephanie Foray pada malam 10 Mei 2011. Pandu arah oleh OKT kepada penemuan mayat Stephanie Foray di gua telah membuktikan bahawa OKT sememangnya mempunyai pengetahuan mengenai kematian Stephanie Foray. Paling jelas dan tidak dapat disangkalkan lagi adalah penglibatan OKT dengan kematian Stephanie Foray apabila terjumpanya barang-barang kepunyaan Stephanie Foray di rumah OKT dan juga di gua dan OKT gagal memuaskan Mahkamah ini dengan sebarang penjelasan yang boleh diterima akal oleh seorang yang munasabah. Keterangan yang tidak dapat dipatah sama sekali adalah kesan percikan darah di dinding ruang tamu di dalam rumah OKT disahkan oleh laporan kimia sebagai milik Stephanie Foray. Keterangan-keterangan OKT yang berbentuk pengakuan ini secara langsungnya menjawab pertuduhan yang dihadapkan ke atas OKT.

[50] Meneliti alasan penghakiman, kami mendapati penjelasan perayu bahawa beliau sibuk dengan kegiatan perniagaan dan berburu telah diberi penilaian dan pertimbangan oleh hakim bicara. Hakim bicara juga telah menimbangkan keterangan perayu bahawa perayu terjumpa dan melihat si mati di pintu gua pada 11 Mei 2011 selepas SP25 memberitahunya mengenai mayat itu. Hakim bicara mendapati keterangan perayu ini bercanggah dengan keterangan SP25 yang menyatakan SP25 hanya berjumpa perayu pada 12 Mei 2011. Hakim bicara telah seterusnya menimbangkan pengakuan perayu bahawa perayu ada memberi maklumat kepada SP15 tentang tempat mayat ditanam dan barang-barang kepunyaan si mati disimpan.

[51] Selanjutnya, hakim bicara juga menimbangkan keterangan SD2 bahawa kunci pendua rumah perayu berada di atas pintu di luar rumah dan rumah perayu boleh diakses oleh ahli keluarga atau kawan-kawan perayu. Hakim bicara mendapati bahawa keterangan SD2 bercanggah dengan keterangan perayu bahawa kunci pendua hanya berada di bahagian dalam rumah dan tidak mungkin berada di atas pintu. Seterusnya menurut perayu, kunci pendua telahpun hilang dan perayu hanya menggunakan kunci rumah yang diikat bersama kunci motorsikal beliau. Keterangan SD2 juga bercanggah dengan keterangan SP25 yang mengesahkan bahawa kunci rumah berada dengan perayu dan rumah perayu hanya boleh dimasuki sekiranya perayu membuka pintu.

[52] Kami mendapati bahawa melalui perenggan 57 hingga 62 alasan penghakiman, hakim bicara telah mengarahkan mindanya kepada setiap aspek penjelasan dan keterangan perayu sebelum mencapai keputusan bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Memandangkan yang tersebut di atas, hujahan peguambela bijaksana bahawa hakim bicara gagal menimbang pembelaan perayu adalah tidak berasas.

[53] Mengambil kira latarbelakang dan fakta kes bahawa si mati adalah penyewa di rumah perayu, kelakuan perayu untuk tidak melaporkan kepada pihak polis tentang penemuan mayat si mati pada 11 Mei 2011, jika benar, dan kelakuan perayu menjalankan kegiatan seperti biasa, seolah-olah tiada apa-apa berlaku kepada si mati yang merupakan seorang penyewa di rumahnya, adalah tidak munasabah.

KESIMPULAN

[54] Kesimpulannya, kami mendapati bahawa isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak perayu adalah tidak bermerit. Kami bersetuju dengan dapatan-dapatan hakim bicara dan kami tidak mempunyai sebarang alasan untuk campur tangan dan mengubah dapatan-dapatan tersebut. Kami mendapati bahawa berdasarkan kekuatan gabungan keterangan ikut keadaan yang ada, sabitan perayu adalah selamat lihat (*Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307). Dengan itu kami sebulat suara telah menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum